

18 OCT 2002

MOKHZANI PANGKU JAWATAN PEMANGKU PRESIDEN SRAM

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Mokhzani Mahathir dilantik memangku jawatan Presiden Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) sehingga persatuan itu mengadakan mesyuarat agung tahunan persatuan itu pada 22 Dis.

Beliau mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Nik Mohamed Din yang meletakkan jawatan tiga hari lepas kerana masalah kesihatan.

Pengarah eksekutif SRAM Lt Kol (B) Wong Ah Jit berkata Mokhzani yang merupakan Timbalan presiden SRAM, dijangka disahkan sebagai presiden pada mesyuarat agung itu.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, Wong berkata SRAM yakin Mokhzani, berusia awal 40-an yang juga bekas Presiden Persekutuan Skuasy Asia, akan memacu persatuan ke tahap yang lebih tinggi pada tahun-tahun akan datang.

Nik, juara kebangsaan pada 1974, 1976 dan 1977, telah banyak menyumbang kepada kejayaan SRAM semasa menjadi naib presiden dan presiden.

Beliau dilantik sebagai naib presiden semasa mendiang Tan Sri Alex Lee mengambil alih jawatan presiden daripada Tunku Imran Tuanku Jaafar pada 1990 setelah Tunku Imran dilantik sebagai Presiden Persekutuan Skuasy Dunia.

Nik dilantik sebagai presiden selepas kematian Alex pada Oktober 1999.

-- BERNAMA

ZAS AHH LAT